

BULETIN SUKAN

EDISI MEI DAN JUN 2025

MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SUKPRA) DAN KEJOHANAN AERODANCE

Majlis Penutup Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia (SUKPRA) 2024/2025 telah berlangsung meriah di Dewan Jauhari, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS), UPM. Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) muncul juara keseluruhan dengan kutipan mata tertinggi iaitu 786 mata, sekaligus mengungguli kejohanan tahunan tersebut. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan UPM, yang turut diiringi oleh Dr. Samir Muhazzab Amin, Timbalan Pengarah Perundangan, Jaringan Komuniti dan Pembangunan, Akademi Sukan. Turut hadir ialah YBrs. Dr. Mohd Hafiz Mohd Zaid, Pengetua Kolej Tun Dr. Ismail; YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa, Pengetua Kolej 12; serta para pengurus kolej, felo dan wakil Majlis Perwakilan Kolej UPM.

Majlis turut diserikan dengan Kejohanan Aerodance yang berlangsung sebagai acara kemuncak. Kolej Tun Dr. Ismail sekali lagi membuktikan keunggulan apabila muncul juara bagi kedua-dua kategori lelaki dan wanita. Kejohanan SUKPRA sesi 2024/2025 bukan sahaja menjadi medan persaingan sihat antara kolej, malah turut memperkukuh semangat kesukanan dan kerjasama dalam kalangan mahasiswa. Sekalung tahniah diucapkan kepada Kolej Tun Dr. Ismail atas kejayaan bergelar juara keseluruhan serta semua pihak yang menjayakan kejohanan ini.

SEKSYEN PEMBUDAYAAN SUKAN

KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SESI 2024/2025 SEMESTER 2			
NO.	SUKAN	LELAKI	WANITA
1.	TENIS CAMPURAN	KTMB	KTMB
2.	LARI BERGANTI-GANTI JALANRAYA	K10	KTDI
3.	RAGBI WANITA		KOSASS
4.	BOLA SEPAK	KPZ	
5.	SEPAK TAKRAW	KC	
6.	CATUR	KC	K14
7.	SKUASY	KTDI	KTDI
8.	BOLA JARING		KTDI
9.	BOLA TAMPAR	KC	KTDI
10.	MEMANAH	KC	K14
11.	OLAHRAGA	KC	KC
12.	GOLF	KTDI	KC
13.	AERODANCE	KTDI	KTDI
14.	SOFBOL	KTDI	K14
15.	BADMINTON	K14	KTDI
16.	RAGBI 15'S	KOSASS	
17.	BOLA SEPAK 10'S		KTDI
18.	TENPIN BOLING	KC	K12
19.	MERENTAS KAMPUS	K10	KTDI
20.	PING PONG	K12	KTMB
21.	BOLA KERANJANG	KC	KOSASS
22.	BOLA BALING	KPZ	KC
23.	FUTSAL	KTDI	KTMB
24.	PETANQUE	K14	KTMB
25.	E-SPORTS MLBB	KOSASS	KPZ
26.	E-SPORTS PUBG	K14	K12



PASUKAN PKS RAGBI (MALAYSIAN UNIVERSITY) NAIB JOHAN PERLIS ROYAL SEVENS 2025

Pasukan PKS Ragbi [Malaysian University] telah mencatatkan pencapaian membanggakan apabila berjaya merangkul gelaran Naib Johan dalam Kejohanan Ragbi Perlis Royal Sevens 2025 yang berlangsung pada 31 Mei hingga 1 Jun 2025 di Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar. Kejayaan ini merupakan hasil usaha gigih para pemain, bimbingan jurulatih serta sokongan padu warga universiti. Semangat juang tinggi yang ditampilkan diharap menjadi pemangkin kepada pencapaian lebih gemilang pada masa akan datang.



ATLET UPM RAIH TEMPAT KEDUA ACARA BOLING INDIVIDU DI SINGAPORE INTERNATIONAL OPEN 2025



Megat Zaqrul Haiqal Bin Megat Zainudin, pelajar Bachelo Perakaunan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia telah meraih tempat kedua dalam acara Boling Individu Kategori Lelaki Terbuka di Kejohanan 55th Singapore International Open 2025. Kejohanan yang dianjurkan oleh Singapore Bowling Federation ini berlangsung dari 30 Mei hingga 13 Jun 2025 dan disertai oleh pemain-pemain boling dari pelbagai negara.

WONG SHI QI RANGKUL TIGA EMAS DAN PECAH REKOD DI VARSITY SWIMMING CHAMPIONSHIP 2025 (CIRCUIT 1)

Atlet renang UPM, Wong Shi Qi terus mengukir nama apabila menggondol tiga pingat emas dalam Varsity Swimming Championship (Circuit 1) 2025 yang berlangsung di TAR-UMT, Kuala Lumpur. Beliau mengungguli acara 100m Freestyle, 50m Butterfly dan 50m Freestyle. Lebih membanggakan, Shi Qi turut memecah rekod kejohanan dalam acara 50m Freestyle dengan catatan masa 26.73 saat



MALAYSIAN UNIVERSITY KNIGHTS RANGKUL TEMPAT KETIGA STL DIVISION 1 2025

Pasukan Malaysian University Knights menamatkan saingan CelcomDigi Sepaktakraw League (STL) – Division 1 2025 dengan bergaya apabila berjaya meraih tempat ketiga dalam kejohanan yang berlangsung dari 28 Mei hingga 1 Jun 2025 di Stadium Tertutup SUKPA, Kuantan, Pahang.

Kejayaan pasukan ini diserikan lagi dengan pengiktirafan individu apabila Khairul Hafifi Tajudin, Atlet Sepaktakraw Universiti Putra Malaysia, dinobatkan sebagai Apit Kanan Terbaik sepanjang kempen kejohanan. Ia satu pengiktirafan yang membuktikan keunggulan bakat muda universiti. Berikut merupakan senarai atlet Malaysian University Knight:

1. Muhammad Haikal Huzaimi, UPM
2. Muhammad Firdaus Zahari, UPM
3. Khairul Hafifi Tajudin, UPM
4. Wan Firdhaus Wan Omar, UPM
5. Muhammad Shahrain Zameer, UiTM Shah Alam
6. Muhammad Amin Asri, UPM
7. Muhammad Faris Syahmi, UPM
8. Muhammad Adam Haikal, Pra-Universiti



PASUKAN MEMANAH UPM BAWA PULANG TUJUH PINGAT DI VAC 2025

Pasukan Memanah UPM meraih 1 pingat emas, 1 perak dan 5 gangsa di Varsity Archery Championship (VAC) Siri 1, 2025 yang berlangsung di Stadium Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dari 28 Mei hingga 1 Jun. Pingat diraih menerusi acara Compound Wanita, Compound Lelaki, Compound Berpasukan Campuran, Compound Lelaki Berpasukan, Recurve Lelaki Berpasukan dan Recurve Wanita Berpasukan.



UPM KEKAL JUARA DI KEJOHANAN VARSITY TRACK AND FIELD 2025 (VTF 2)

Pasukan Olahraga Universiti Putra Malaysia (UPM) terus unggul apabila berjaya mengekalkan kejuaraan di Varsity Track and Field Championship 2025 (VTF 2) dengan kutipan keseluruhan 12 pingat emas, 15 perak dan 8 gangsa. Kejohanan berlangsung dari 27 hingga 29 Jun 2025 di Stadium Sultan Zainal Abidin, UniSA, Terengganu. Pencapaian ini membuktikan dominasi UPM dalam acara olahraga dan diharapkan menjadi pencetus semangat untuk kejohanan seterusnya.



PKS RAGBI UPM RAIH NAIB JOHAN DI KELANTAN 7'S 2025

Pasukan Malaysian University (PKS Ragbi) telah menampilkan aksi cemerlang apabila berjaya meraih Naib Johan dalam Kejohanan Ragbi The Kelantan 7's 2025 yang berlangsung dari 27 hingga 30 Jun 2025 di Kota Bharu, Kelantan.



KEJOHANAN VARSITY SEPAKTAKRAW LEAGUE (SIRKIT 2) 2025

Pasukan Sepak Takraw UPM menamatkan saingan Varsity Sepaktakraw League (Sirkuit 2) 2025 di kedudukan Naib Juara bagi acara Beregu menerusi pasukan UPM A dan berjaya menduduki tempat ketiga bagi acara Regu menerusi pasukan UPM A. Kejohanan ini telah berlangsung pada 26 hingga 29 Jun 2025 bertempat di Dewan Arena Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri Terengganu.



PASUKAN FUTSAL LELAKI UPM CATAT KEMENANGAN BERGAYA DI LIGA FUTSAL IPT FASA 2

Pasukan Futsal Lelaki Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat kemenangan meyakinkan ke atas UiTM Perlis dengan keputusan 5-1 dalam saingan Liga Premier Liga Futsal IPT Fasa 2 yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSA). Kejayaan ini menjadi suntikan semangat buat pasukan dalam meneruskan aksi kompetitif di peringkat seterusnya.



PROGRAM PUTRASIHAT 10,000 LANGKAH UPM SIRI 2

Program PUTRASihat 10,000 Langkah UPM Siri 2 telah berlangsung dengan jayanya di Astaka Seni, Universiti Putra Malaysia (UPM) meskipun keadaan cuaca hujan pada awal pagi. Program ini terus mendapat sambutan menggalakkan daripada warga UPM. Program dimulakan dengan sesi senamrobik yang diketuai oleh kumpulan Fit By Beat, Pusat Kesihatan Universiti (PKU), dan disusuli ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah, Naib Canselor UPM. Untuk rekod, ini merupakan penganjuran siri kedua selepas Siri 1 yang telah diadakan pada 28 Februari 2025 bertempat di Foyer Dewan Besar, PKKSSAAS, UPM.



SEKSYEN PEMBUDAYAAN SUKAN

KURSUS KEJURULATIHAN BESBOL TAHAP 1

Kursus Kejurulatihan Besbol Tahap 1 anjuran Makmal Pembangunan Inovasi dan Profesional Sukan dengan kerjasama Persatuan Besbol Malaysia telah berlangsung dari 18 hingga 22 Jun 2025 di Universiti Putra Malaysia. Kursus ini telah membawa penceramah hebat dari Jepun iaitu Ayako Rokkaku, Duta Besbol Wanita Dunia dan Tania Lee Xu Yar, Pakar Nutrisi Pemakanan Sukan (Dietatik). 39 orang peserta merupakan penggiat sukan besbol dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam kursus ini.



**MAKMAL PEMBANGUNAN INOVASI DAN
PROFESIONAL SUKAN**

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP UPM- NAIK TARAF PRASARANA STADIUM



Majlis Penyerahan Projek Siap UPM - Naik taraf Prasarana Stadium Di Universiti Putra Malaysia telah berlangsung pada 19 Jun 2025. Untuk makluman, majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah, Naib Canselor UPM. Turut hadir bersama ialah YBrs. Dr. Maznah Sahran, Pengarah Pembangunan UPM serta En. Muhamad Malik Bin Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet & Staf Akademi Sukan UPM. Sesi menandatangani Plug Perasmian oleh YBhg Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah menjadi simbolik penyerahan projek siap bagi Stadium UPM dan seterusnya melawat tapak projek bersama pegawai dan staf Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) dan Akademi Sukan UPM yang terlibat dalam projek tersebut.

SEKSYEN FASILITI

**IF WE DARE TO WIN,
WE SHOULD ALSO DARE TO LOSE**

**DATO SERI LEE CHONG WEI
BEKAS ATLET BADMINTON PROFESSIONAL MALAYSIA**